

128 hadir periksa kesihatan

Kuala Lumpur: Seramai 128 individu berusia 50 tahun ke atas melakukan pemeriksaan kesihatan percuma pada Program Keluarga Sihat Keluarga Bahagia, di sini, kelmarin.

Pengerusi Khidmat Komuniti Bandar Tun Razak Datuk Chew Yin Keen berkata, program yang julung kali diadakan itu kerjasama antara Pusat Khidmat Komuniti Bandar Tun Razak dan Yayasan Pendidikan Bandar Tun Razak Universiti UCSI (UCSI), Institut Penyelidikan Populasi Kesihatan (PHRI) dan Universiti Teknologi MARA (UiTM).

Beliau berkata, tujuan program itu dilaksanakan adalah untuk menyemai sikap mementingkan kesihatan di kalangan penduduk setempat.

“Sebagai contoh, jika ada individu menghidap penyakit kronik, ia akan memberi beban kepada ahli keluarganya yang lain untuk menjaganya dalam jangka



CHEW (kiri) membantu penduduk setempat yang menyertai Program Keluarga Sihat keluarga Bahagia.

masa panjang.

“Justeru, kita perlu menjaga dan mementingkan kesihatan kerana keluarga yang sihat adalah keluarga yang bahagia,” katanya.

Turut hadir Naib Canselor merangkap Presiden UCSI Profesor Datuk Dr Khalid Yusoff.

Chew berkata, antara pemeriksaan dilakukan adalah ujian darah, tekanan da-

rah, timbang berat badan, tinggi, ukur lilit dan sesi soal jawab.

Selain itu, beliau berkata, turut diadakan adalah ujian elektrokardiogram dan echocardiogram untuk pemeriksaan jantung, pemberian baucer pemeriksaan mata percuma serta potongan harga 20 hingga 50 peratus untuk mereka membuat kaca mata.